

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 10/2016

Semua Ketua Jabatan/ Pusat/ Unit/ Disiplin
Pengurus-Pengurus Jururawat
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELUPUSAN STOK, INVENTORI DAN ASET MILIKAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM), PUSAT PERUBATAN UKM

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Untuk makluman YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan, semakan yang dibuat oleh Jabatan Kewangan selaku urusetia pelupusan mendapati bahawa terdapat longgokan-longgokan aset/inventori yang tidak digunakan diletakkan di kaki lima dan kawasan tangga PTj dan tiada permohonan pelupusan dibuat kepada Jabatan Kewangan. Sebagai makluman YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan Audit Negara akan menjalankan pengauditan Audit Indeks Akauntabiliti di HCTM dalam masa terdekat dan penilaian pengauditan ini merangkumi pengurusan aset HCTM.

Sehubungan itu, jabatan ini memohon kerjasama YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memaklumkan kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan agar memohon pelupusan bagi aset/inventori yang tidak digunakan dengan mengisi Borang Permohonan Pelupusan **PPUKM/KEW/UPA/B01** dan Borang Kebenaran Pindah Lokasi Untuk Pelupusan **PPUKM/KEW/UPA/B02**. Tindakan surcaj @ denda boleh dikenakan kepada PTJ yang melonggokan aset/inventori tidak terpakai di kaki lima dan kawasan tangga tanpa membuat permohonan pelupusan ke jabatan ini mengikut prosedur yang ditetapkan.

Sekian, perhatian dan makluman YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan terima kasih.

Yang benar,


NORINI MOHAMAD
Ketua

Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacon Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5203/5204/5199 Faksimili: +603 - 9145 5186 Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>